

# Parti dakwa perjuang Islam digesa kikis fahaman sempit

UM 27 MAR 2001

KUALA LUMPUR 26 Mac

— Parti-parti politik terutama yang mendakwa memperjuangkan Islam digesa mengikis fahaman sempit mengenai agama itu sehingga menimbulkan kekeliruan dan perpecahan kepada umat Islam.

Beberapa tokoh agama kesal dengan kemunculan golongan ekstremis yang menyalahgunakan Islam untuk menanam fahaman sempit terhadap agama itu kepada umat Islam.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin berkata, penglibatan seseorang dalam parti-parti politik tidak boleh dinilai dalam tahap keislaman mereka.

Menurutnya, menyertai sesebuah parti politik yang tidak menggunakan perkataan Islam tidak bermakna seseorang itu terkeluar atau semakin hilang nilai-nilai keislamannya.

“Masuk parti yang tidak ada nama Islam bukan bererti dia telah bertukar agama,” tegasnya yang kecewa dengan fahaman sempit yang dipegang oleh segelintir umat Islam di negara ini.

Dalam menyelesaikan masalah perpaduan, Abdul Hamid menjelaskan, soal parti tidak boleh dijadikan halangan untuk tidak mahu bekerjasama.

“Ini kepentingan umat yang harus kita bezakan. Jangan dikelirukan soal parti politik dengan soal umat,” katanya ketika ditemui selepas sambutan Maal Hijrah peringkat kebangsaan di Stadium Putra Bukit Jalil di sini hari ini.

Beliau tidak menafikan agama Islam merangkumi soal politik tetapi mempunyai perbezaan dengan parti politik.

Beliau mengulas seruan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kepada umat Islam dan bukan Islam supaya terus bekerjasama bagi menjamin dan memperkukuhkan perpaduan yang telah lama terjalin.

Dalam perutusan sempena Maal Hijrah 1422, Perdana Menteri menegaskan, orang Islam tidak harus sengaja bermusuhan dengan orang bukan Islam yang tidak bermusuhan dengan mereka.

## Kekuatan

Penasihat Agama Kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Abdul Hamid Othman berkata, kekuatan Islam di negara ini bergantung kepada perpaduan orang Melayu keseluruhannya.

Sepatutnya, kata beliau, sebagai pihak yang responsif terhadap masalah perpecahan orang Melayu, tidak ada helah bagi mereka untuk berganding bahu untuk menyelesaikan masalah berkenaan.

“Perpaduan Melayu tidak bercanggah dengan perpaduan nasional. Kita kemukakan perkara ini kerana mahu melihat umat Islam kembali kuat,” tegasnya.

Beliau juga melahirkan

kekesalan terhadap parti politik yang cuba mempertikaikan perkara-perkara yang terkandung dalam perlembagaan.

Menurut beliau, penyalahgunaan agama dalam parti-parti politik boleh membawa kepada kehancuran kepada umat Islam keseluruhannya.

“Kita sebagai umat Islam perlu mempertahankan kesucian agama supaya tidak ada pihak yang memutarbelitkan agama untuk kepentingan mereka,” tegasnya.

Sehubungan itu, katanya, perpaduan Melayu Islam perlu dijadikan teras kepada perpaduan nasional sebagaimana yang terkandung dalam perlembagaan.

Sementara itu, Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan, Datuk Dr. Ismail Ibrahim menjelaskan, tindakan golongan ekstremis agama yang menanamkan fahaman sempit menyebabkan umat Islam semakin lemah untuk menghadapi ancaman luar.

Menurut beliau, bilangan umat Islam di negara ini tidak ramai iaitu hanya 54 peratus daripada jumlah penduduk di negara ini.

“Kalau kita berpecah kerana politik, umat Islam akan menjadi golongan minoriti di negara sendiri.

“Kesan daripada itu, kita tidak ada hak untuk menuntut sesuatu atas nama minoriti,” jelasnya.

Sehubungan itu, beliau yang juga Tokoh Maal Hijrah 2001 berkata, umat Islam perlu bersatu untuk mempertahankan haknya di negara ini.